



UNIT PEMBANGUNAN AGROTEKNOLOGI

Pengenalan

Unit Pembangunan Agroteknologi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah ditubuhkan pada 1 Mac 2007. Penubuhan unit ini yang beroperasi di bawah Stesen Penyelidikan Agroteknologi adalah hasil daripada cadangan Naib Canselor UniMAP yang berpandangan jauh dan melihat Agroteknologi merupakan satu keperluan untuk memangkinkan kemajuan pertanian Negara, dengan menjana teknologi watan dan mapan. Stesen ini mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2009 selepas satu unit bangunan telah siap dibina yang meliputi empat bilik makmal, dua bilik mesyuarat, satu bangunan sementara pensyarah, satu bilik juruteknik, dua bilik stor, dan surau. Tanggal 13 Mei 2009 adalah merupakan detik bersejarah bagi Stesen ini apabila Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail – Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tuanku Raja Perlis telah merasmikan Stesen Penyelidikan Agroteknologi dan dengan rasminya Stesen ini telah beroperasi sepenuhnya di Kampus Sungai Chuchuh, Padang Besar Perlis.



Objektif Stesen

Objektif utama Stesen Penyelidikan Agroteknologi ialah :

1. Menggembangkan kepakaran kejuruteraan melalui aktiviti R&D yang berkaitan dengan pertanian dan makanan bagi melonjakkan penghasilan teknologi pertanian lestari.
2. Melahirkan teknologi dan kepakaran dalam bidang pertanian ke tahap yang lebih berkesan dan dapat menambah nilai aktiviti hiliran dan huluan seterusnya memantapkan agro-industri Negara.
3. Membangunkan kemudahan makmal dan ladang pertanian sebagai pusat latihan amali.
4. Menyediakan dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan permindahan dan pengkomersialan teknologi yang merangkumi penentuan teknologi, test-bed, projek perintis dan perlesenan harta intelek.



Fungsi

Antara fungsi Stesen Penyelidikan Agroteknologi adalah :

1. Aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan industri pertanian di makmal-makmal Stesen Penyelidikan Agroteknologi Sungai Chuchuh.
2. Menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan berterusan yang berkaitan dengan bidang pertanian.
3. Memperluaskan hubungan kerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan dalam bidang pertanian dalam negara dan luar negara.
4. Merangka, melaksana dan membantu pelaksanaan pelbagai aktiviti penyelidikan pertanian dengan penyertaan penduduk setempat.

